

TERBITAN: KMUM APIUM

E-RISALAH

MAHASISWA DAN ISLAM



Bersahabat
Cara Rasulullah
Ms 6

Ms 10
Hukum Solat Berjemaah
Berdua-duaan Dengan Sahabat
Yang Bukan Mahram

MEMBER TILL JANNAH

EDISI 2

Nukilan Khas:
YBRS. SS. Dr. Luqman
Haji Abdullah
**Persahabatan
Yang Sebenar**
Ms 12

Pedoman
Surah At-Taubah
Dalam Bersahabat
Ms 21

Sudikah
Awak Hiburkan Aku
Buat Aku Tersenyum?
Ms 24

Kalam edut

Sahabat ibarat tangan dan mata di saat mata menangis· tangan mengusap· tatkala tangan terluka· mata menangis· Begitu akrab sebuah persahabatan yang saling mengasihi dan mencintai kerana Allah· Persahabatan itu suatu anugerah· yang kala dilihat wajahnya teringat kita akan Dia· yang memegang erat tangan memimpin ke syurga· jika terjunam ke neraka dia penyelamatnya lalu redha-Nya menjadi asbab persahabatannya sentiasa bersama· Sahabat itu indah· seindah kasihnya Rasulullah SAW terhadap sahabat baginda· seperti jua baginda sebaliknya, yang sentiasa menyokong dan membantu, musibah dan halangan diharungi dengan mudah.

"Teman-teman karib (sahabat) pada hari itu (kiamat) saling bermusuhan antara satu sama lain, kecuali mereka yang bertaqwa"

(Surah Al-Zukhruf:67)

Setiap orang inginkan sahabat dan teman yang terbaik, yang sentiasa membimbing ke arah jalan ketaqwaan, atas dasar semoga persahabatan itu sentiasa diredhai dan berkekalan hingga ke Syurga. Kesempurnaan bukanlah keutamaan dalam bersahabat, tetapi saling menerima kekurangan masing-masing, menjadi asbab perhubungan itu utuh, kerana kekurangan itu menjadi penghubung untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Semoga bersinar sentiasa lazuardi persahabatan. Amin.

Muhammad Saiful Izuan bin Osman

TOTAKAH

Apa yang ISTIMEWA dalam
E-Risalah APIUM Edisi November?

DOA
MA'THUR

4

"SEMPURNA-KAN BAGI KAMI PETUNJUK YANG LURUS DALAM URUSAN KAMI"

SYAMAIL
MUHAM-MADIYAH

6

"BERSAHABAT CARA RASULULLAH S.A.W"

QALBUN
SALIM

7

"SESEORANG ITU ATAS AGAMA SAHABATNYA"

FIQH
BUDAYA

10

"HUKUM SOLAT JEMAAH BERDUA-DUAAN DENGAN SAHABAT YANG BUKAN MAHRAM"

WARKAH
MURABBI

12

"PERSAHABATAN YANG SEBENAR"

MINDA
SIHAT

15

"SAHABAT? PENTING KE?"

DUAHAN

DIARI
ALUMNI

ISTAQA-
MU

BEGITU
BEGINI
CARA-
NYA

JOM
RELAKS

18

21

24

27

“SAYA
TERINGAT
SUATU
PENGALAMAN
SAYA KETIKA
MENJALANI
LATIHAN
INDUSTRI DI
IKIM SUATU
MASA DULU”

“PEDOMAN
SURAH
AT-TAUBAH
DALAM
BERSAHABAT”

“SARA, DAH
LAMA KAN
KITA KAWAN
SEJAK
SEKOLAH
LAGI...”

“SANTAI DI
HUJUNG
NOVEMBER”

ORGANISASI

PENASIHAT

Prof Madya Dr Siti Zubaidah binti Ismail

PENGARAH

Azrie Ezaidi bin Rohaidee
Asna binti Sulaiman

SETIAUSAHA

Hafeezur-Rahman bin Awel
Liyana Nadiah binti Rosmi

EDITOR

Nur Liyana binti Mohamad Asri
Muhammad Saiful Izuan bin Osman

EDITOR SYARIAH

Muhammad Abbas bin Mohamad Puzi

KONSEP/LAYOUT

Afiqah binti Razlee
Muhammad Hafiz bin Zamri
Puteri Nazura binti Takiudin
Nur Imanina binti Harun
Nur Izyanti Afiqah binti En Abdul Rahim
Hussain Hakimi bin Ridzuan

ILUSTRASI

Dayang Farhanah binti Awang Faizol
Nurul Adha binti Mahamad Madani
Nurul Hanis binti Yusoff

HADIAH

Nurul Afiqah binti Md Muhyiddin



NURUL NAJWA
AZRIN BINTI AZMI

Pelajar Tahun 2
Sarjana Muda Sains Gunaan
dengan Pengajian Islam
Akademi Pengajian Islam.

DOA MA' THUR

رَبَّنَا آءِنَا مِنْ لُدُنْكَ رَحْمَةً وَهِيَ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشِداً

"Wahai Tuhan kami, kurniakanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami (ini)." (Al-Kahfi : 10)

Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan apabila kita mempunyai keinginan untuk berteman atau bersahabat kerana manusia itu telah diciptakan oleh Allah SWT untuk hidup bermasyarakat. Semenjak dari kecil kita dididik untuk mendapatkan kawan baharu di mana jua kita berada. Tidak dinafikan peranan ibu bapa penting dalam membentuk peribadi seseorang itu namun semakin kita membesar, kita pasti dikelilingi suasana persekitaran yang lebih meluas dan terdiri daripada pelbagai karakter manusia.

Memilih rakan sama seperti kita memilih suasana yang akan kita mempengaruhi dan dipengaruhi olehnya. Saya bawakan satu teladan daripada al-Quran kerana cerita di dalamnya mengandungi iktibar serta pengajaran yang dapat diamalkan sepanjang zaman. Kisah Ashabul Kahfi yang mencerminkan sekumpulan pemuda yang berusaha untuk menyelamatkan akidah mereka daripada terus diganggu gugat oleh raja zalim yang bernama Dikyanus. Apabila asas ukhuwah itu dijalankan atas asbab yang kukuh kerana Allah, sudah tentu rahmat dan petunjuk-Nya akan mengiringi mereka walaupun diduga dengan sebesar-besarnya mehnah dan tribulasi.

Berbekalkan doa dalam surah al-Kahfi ayat 10, Allah SWT memelihara para pemuda yang beriman tersebut dengan menidurkan mereka selama 309 tahun di dalam sebuah gua yang disangka hanya sehari sahaja. Maha suci bagi Allah SWT, tiada suatu perkara yang mustahil yang Dia telah rancangkan buat hamba-Nya.

Suatu renungan untuk kita nilai kembali dengan siapa kita bersahabat dan atas dasar apa persahabatan itu. Adakah sekadar memenuhi kepentingan diri semata-mata atau kerana sayangnya kita kepada dia kerana Allah SWT? Tidak menjadi kesalahan untuk kita meramaikan kenalan, namun tapisan tetap perlu



dilakukan kepada orang yang menjadi pempengaruh dalam apa jua tindak-tanduk sehari-hari kita.

Sahabat itu bukan sahaja ada sewaktu kita senang, malah di saat kita berhadapan dengan kesulitan mereka turut menemani kita untuk mencambahkan rasa cinta hanya kepada Dia al-Jalil. Sahabat itu juga tidak jemu untuk mendoakan kesejahteraan dan menghulurkan bantuan dan bimbingan. Kita sepatutnya berkelakuan sedemikian juga agar sama-sama dapat berpimpinan tangan menuju ke syurga penuh kenikmatan yang abadi, sebaik-baik tempat kembali di sisi Ilahi. Wallahu'lam bis sawab.





NUR ZAFIRAH BINTI
MOHD ZAINI

Pelajar Tahun 2
Sarjana Muda Fiqh & Usul
(Syariah Astronomi Islam)
Akademi Pengajian Islam

Syamail
Muhammadiyah



BERSAHABAT CARA RASULULLAH

Seorang sahabat adalah cerminan kepada sahabatnya. Sekiranya berkawan dengan orang yang baik, pastinya dia akan ter dorong untuk menjadi baik. Oleh itu, Islam telah mengajar kita supaya memilih sahabat yang berakhlak baik dan tidak memandang enteng kepada perkara ini. Buktinya baginda telah mengingatkan kita melalui hadithnya yang mulia berbunyi:

مَثَلُ الْجَلِيلِ الصَّالِحِ وَالسَّوْءِ، كَحَامِلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ، فَحَامِلُ الْمِسْكِ
إِمَّا أَنْ يُحْذِيَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخُ الْكَبِيرِ
إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ شَيْأَكَ، وَإِمَّا أَنْ يَجِدَ رِيحًا حَبِيشَةً

Maksudnya: "Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Adapun, penjual minyak wangi akan memberi kamu (minyak wangi tersebut), atau kamu membeli daripadanya, atau kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Sedangkan tukang besi pula, akan membakar bajumu dan juga kamu mendapatkan bau yang busuk." [Riwayat al-Bukhari (5534) dan Muslim (2628)]

Intisari hadith:

Kelebihan duduk bersama orang yang baik dan soleh:

- Mencontohi akhlak mulia
- Maruah terjaga/terpelihara
- Memperolehi ilmu

Larangan duduk bersama orang yang tidak baik:

- Hilang budi pekerti mulia
- Maruah diri tercemar
- Sulit mendapat ilmu bermanfaat





"Seseorang itu atas agama sahabatnya,
maka lihatlah kepada siapa kalian bersahabat".

PER SAHABATAN

Apa itu persahabatan?

Persahabatan? Perkara yang sering dituturkan oleh orang ramai. Adakah persahabatan itu hanya sekadar berkawan tanpa ada maksud yang sebenar? Adakah sekadar bersahabat seperti mana Spongebob dan Patrick? Seperti Brian O'Conner dan Dominic Toretto dalam Fast and Furious? Adakah persahabatan kita tidak didasari unsur-unsur kerohanian? Persoalan yang wajar untuk kita pertimbangkan dan renungi. Dalam konteks hari ini, istilah sahabat itu berbeza dengan istilah kawan. Secara mudah, sahabat merupakan seseorang yang mempunyai hubungan yang rapat dengan rakannya sehingga selesa untuk berkongsi mengenai perkara-perkara yang berbentuk peribadi, manakala kawan merupakan seorang teman yang biasa kita bergaul dan bersempang. Jika kita menilai daripada perspektif Islam, persahabatan merupakan satu elemen yang penting dalam membina peribadi mahasiswa Muslim. Kebiasaan kita akan menggunakan satu terma iaitu "pengaruh rakan sebaya". Realiti hari ini, tidak dinafikan terma itu menjadi hakikat kehidupan mahasiswa. Tambahan pula, mahasiswa-mahasiswa yang berjauhan dengan kedua ibu bapa mereka akan didampingi atau dikelilingi oleh para sahabat mereka.



IMAN MUHAMMAD
BIN KAHARUDDIN

Pelajar Tahun 4
Sarjana Muda Usuluddin
(Al-Quran dan Al-Hadith)
Akademi Pengajian Islam

QALBUN SALIM

Jika ingin mengenalku,
maka lihatlah teman
dekatku.

Ibnu Mas'ud rahimahullāh
berkata:

"Seseorang itu akan berjalan
dan berteman dengan orang
yang dicintainya dan
mempunyai sifat seperti
dirinya."

Dalam riwayat Imam Abū Dāud dengan sanad yang sahih, Nabi Muhammad SAW bersabda, terjemahannya: "Seseorang itu atas agama sahabatnya, maka lihatlah kepada siapa kalian bersahabat". Imam Abd al-Raūf al-Munāwī dalam Faid al-Qadīr ketika menerangkan hadith ini menyebutkan, bahawa sewajarnya kita meneliti dengan mata hati kepada seseorang yang kita ingin bersahabat dengannya. Seandainya dia mempunyai akhlak dan agama yang baik, maka bersahabatlah dengannya.

Sebagai mahasiswa Muslim, kita sepatutnya membaca dan meneliti kisah-kisah Nabi Muhammad SAW, para Sahabat dan para Ulama terdahulu dalam bersahabat. Nabi Muhammad SAW bersahabat dengan Sayyidinā Abū Bakr. Bentuk persahabatan ini sewajarnya kita terapkan dalam diri kita. Dalam riwayat Imām al-Bukhārī daripada Sayyidinā Ibnu ‘Abbās RA, Nabi Muhammad SAW bersabda, terjemahannya: "Seandainya aku boleh memilih pasangan, nescaya aku akan memilih Abū Bakr sebagai pasangan, akan tetapi beliau merupakan saudara dan sahabatku". Beliau telah menjadi tulang belakang Nabi Muhammad SAW ketika ditimpa ujian tatkala tiada orang yang mempercayai akan Isrā dan Mi'rāj Baginda SAW, beliau yang membenarkan Baginda SAW tanpa ada sebarang syak. Lihat bagaimana Sayyidinā Abū Bakr menjadi pendokong kepada Nabi Muhammad SAW ketika semua orang tidak mengendahkan Baginda SAW. Kisah ini sering diceritakan dalam ceramah-ceramah Isrā' dan Mi'rāj. Persoalannya, adakah kita menjadikannya sebagai satu panduan dalam bersahabat atau hanya sekadar masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri lalu pergi tak kembali? Kesetiaan Sayyidina Abū Bakr dalam persahabatan beliau dengan Baginda SAW, menolong sahabatnya ketika kesusahan. Mahasiswa Muslim sewajarnya menghidupkan semangat "brotherhood" yang didasari dengan Islam, Sunnah Baginda SAW dan para Sahabat.



Selain itu, penulis memaparkan kisah dua Ulama Nusantara kita, iaitu al-'Allāmah Musnid al-Dunyā Sheikh Muhammad Yāsīn bin 'Isā al-Fādānī dan sahabatnya al-'Allāmah Sheikh Zakariyā Bila al-Indūnī. Mereka berdua ini menjadi sahabat karib sejak mula belajar sehingga menjadi dua gergasi dalam bidang ilmu di Makkah al-Mukarramah. Sheikh Yasin al-Fadānī menjadi seorang alim yang menguasai pelbagai bidang ilmu khususnya ilmu hadith, manakala Sheikh Zakariyā Bila pula menjadi seorang yang alim dalam bahasa Arab dan dikatakan sebagai orang yang paling fasih berbahasa Arab walaupun bukan daripada kalangan bangsa Arab. Jika kita melihat kepada jalur ilmu, pasti kita akan mendapati bahawa nama mereka berdua seiring dalam meriwayatkan sesuatu sanad ilmu. Menurut al-Musnid Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Azharī, berdasarkan kisah ini jelas bahawa seseorang itu wajar untuk memilih seorang sahabat yang membawa kepada jalan kebaikan. Lihat kepada kisah ini, hubungan persahabatan yang berdasarkan kepada ilmu dan Islam. Mereka berdua bersama-sama membina kebaikan untuk mereka dan untuk umat Islam. Adapun kita, adakah persahabatan kita untuk bersuka-ria? Sahabat futsal? Sahabat kerana permainan Mobile Legend, PUBG dan Dota? Dimana halatuju dalam persahabatan kita? Adakah peratus kebaikan melebihi peratus kelalaian?.

Akhir kalam, setiap dari kita mempunyai pelbagai jenis kawan dan mungkin sahabat yang berubah menjadi musuh. Perkara ini lumrah dalam kehidupan yang mempunyai pelbagai cabaran. Persahabatan yang kekal hanyalah persahabatan yang didasari dengan elemen-elemen positif dan Islamik seperti amanah, saling memahami dan yang paling penting adalah menghargai. Hargailah para sahabat kita dan pandanglah mereka dengan pandangan rahmat. Kata Carlos P.Romulo "Brotherhood is the very price and condition of man's survival".





**KHAIRUNNISA BINTI
SALLEH**

Alumni APIUM
Kini sebagai Guru Sandaran
& Speaker Media Sosial.

Fiqh Budaya

HUKUM SOLAT JEMAAH BERDUA-DUAAN DENGAN SAHABAT YANG BUKAN MAHRAM

Mukadimah

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِئَكَتُهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الْنَّبِيِّ
يَا يَاهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيْمًا اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Bulan Rabiul Awwal, bulan kelahiran Rasulullah SAW ini, e-Risalah APIUM membawa tema yang menyentuh tentang persahabatan. Sahabat, kawan, teman, sebuah tautan yang terbina bermula dengan sapaan, rasa kasih, prihatin dan ikhlas. Sahabat merupakan antara insan yang paling rapat selepas keluarga, ada pada waktu sempit sebagai penguat, ada pada waktu senang sebagai pendorong. Dalam menjalin persahabatan, berkawan, ada juga adab dan batas yang perlu dipelihara. Terutamanya berlainan jantina. Perkongsian kali ini, penulis fokus kepada isu melibatkan pergaulan ikhwan dan akhwat. Pelajar universiti khususnya, banyak terlibat dengan aktiviti dan program yang melibatkan percampuran jantina, ada hukum dan adab yang perlu diteliti demi mencapai redha Allah SAW dalam menjalin hubungan sesama manusia. Oleh itu, marilah kita telusuri sebuah situasi yang akan penulis kongsi di bawah.

Situasi

Ustazah, saya pernah berdiskusi dan mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan dengan 2 orang kawan perempuan di ruangan ‘Rileks’ APIUM. Kemudian, masuk waktu Solat Fardhu Asar, saya mengajak rakan-rakan saya ke surau untuk solat jemaah, di mana saya seorang lelaki sebagai imam. Namun begitu, salah seorang daripada rakan perempuan sedang haid, tidak boleh solat, kami meneruskan solat berjemaah berdua-duaan. Apakah hukum solat sebegini?

S: Apakah hukum berdua-duaan dengan bukan mahram untuk ‘study group’?

J: Saya kongsikan sebuah hadith yang melarang perbuatan berdua-duaan dengan bukan mahram. Diriwatkan Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَخْلُوْنَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا دُوْ مُحْرَمٍ

Maksudnya: Tidak boleh untuk seorang lelaki itu berdua-duaan dengan seorang perempuan melainkan bersama-sama dengan perempuan itu mahramnya.

dengan perempuan itu mahramnya. (Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadith ini, jelas wujud larangan berdua-duaan antara bukan mahram bagi mengelakkan fitnah dan berlaku maksiat yang tidak terduga, walaupun untuk urusan kerja. Jika melibatkan urusan penting sehingga seorang lelaki dan seorang perempuan terpaksa untuk berjumpa, perlu ditemani seorang mahram kepada perempuan, atau dilakukan di tempat atau ruangan terbuka, bebas fitnah manusia. Sebaik-baiknya elakkan ‘study group’ berdua, ada ramai lagi kawan yang sama jantina boleh membantu dalam hal atau urusan belajar.

S: Jadi, jika berdua-duaan bukan mahram untuk belajar atau ulangkaji tidak dibenarkan, bagaimana pula dengan solat jemaah kawan yang bukan mahram secara berduaan?

J: Berkaitan dengan perkara ini, wujud beberapa pandangan dalam kalangan ulama Syafi’eyyah. Hal ini ada dikongsikan oleh mantan Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Pertama, pandangan Imam al-Shirazi dalam kitab Al-Muhazzab fi Al-Fiqh Al-Syafie ada menyebut:

Dan dimakruhkan untuk seorang lelaki itu menunaikan solat bersama dengan seorang perempuan ajnabiyyah (asing), berdasarkan sabda Rasulullah SAW: Tidaklah berdua-duaan seorang lelaki melainkan yang ketiganya adalah syaitan.

Imam Al-Nawawi mensyarahkan ucapan atau pandangan Imam al-Shirazi dengan berkata: Apa yang dimaksudkan karahah atau makruh oleh Imam al-Shirazi adalah makruh tahirim (makruh yang menghampiri haram), sekiranya lelaki tersebut berdua-duaan dengan perempuan.

Imam Al-Nawawi menambah lagi; Telah berkata para ulama Syafi’eyyah: Apabila seorang lelaki menjadi imam kepada

isterinya atau kepada mahramnya, serta berkhawl (duduk berdua-duaan) dengannya maka perbuatan ini dibolehkan tanpa sebarang karahah (makruh). Hal ini kerana pada luar waktu solat, mereka juga dibenarkan untuk berdua-duaan. Namun, sekiranya dia menjadi imam solat kepada wanita ajnabiyyah dan berduaan dengannya maka menjadi haram ke atas dirinya dan wanita tersebut. Jika dalam situasi seorang lelaki menjadi imam kepada wanita-wanita ajnabiyyah (ramai perempuan) maka ulama majoriti memutuskan dibolehkan. (Kitab Al-Majmu’ Syarah Al-Muhazzab, Imam Al-Nawawi).

S: Apakah status solat berdua-duaan dengan bukan mahram ini, diterima atau tidak sah?

J: Solat sah sekiranya menepati rukun-rukun dan syarat sah solat, cuma perbuatan berdua-duaan itu berdosa.

Kesimpulan

Perbuatan berdua-duaan dengan bukan mahram tetap haram dan berdosa termasuklah ketika solat. Maka, sebagai umat Islam, kita perlu cakna dengan hukum dan batas yang telah digariskan oleh syariat. Dalam pergaulan harian dengan kawan rapat juga tidak boleh melakukan perbuatan secara semberono.

JAGALAH BATAS
PERGALIAN DAN
ELAKKAN IKHTILAT
ANTARA LELAKI
DENGAN PEREMPUAN.

JANGAN LUPA
PENJARAKAN SOSIAL.
HEHEHE...



PERSAHABATAN YANG *Oebenar*



YBRS. SS. DR. LUQMAN HAJI
ABDULLAH
MUFTI
WILAYAH PERSEKUTUAN

Persahabatan adalah sangat diambil berat dalam Islam. Persahabatan merujuk kepada hubungan antara seorang individu dengan individu yang lain dan hubungan ini mempunyai merit yang tertentu dalam Islam jika ia terbina atas asas persaudaraan dan mengikut lunas-lunas syarak. Persahabatan juga adalah hasil daripada sifat persaudaraan yang disebut dalam hadith Rasulullah SAW,

“Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu adalah bersaudara”. ***(HR Bukhari dan Muslim)***

Persahabatan yang paling tinggi dan ideal telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam hubungan Baginda dengan Saidina Abu Bakar RA. Rasulullah SAW meletakkan kedudukan yang tinggi kepada Saidina Abu Bakar RA sehingga Baginda memilih Saidina Abu Bakar RA sebagai teman dalam perjalanan hijrah Baginda ke Madinah. Manakala Saidina Abu Bakar RA pula telah menunjukkan sifat setia kawan dan ketaatan yang tinggi kepada Rasulullah SAW sepanjang perjalanan tersebut.

Persahabatan yang benar akan menambahkan arah pembangunan sesuatu matlamat perjuangan. Hubungan antara seseorang mukmin dengan mukmin yang lain telah digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai satu bangunan yang setiap binaannya adalah penyokong kepada binaan yang lain yang membuatkan bangunan itu tersergam kukuh. Dalam konteks sesebuah komuniti, hubungan yang kuat antara satu ahli dengan ahli yang lain adalah satu gambaran nilai persahabatan yang ada dalam komuniti tersebut. Jika nilai ini kukuh, mereka akan menjadi kuat dan dapat menghasilkan banyak perkara yang bermanfaat buat komuniti mereka.

Sesuatu hubungan persahabatan yang menimbulkan rasa kasih sayang antara satu sama lain mestilah terbina atas asas iman kepada Allah dan bukan atas sebab yang lain. Hanya persahabatan begini yang akan kekal dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT sehingga disebut oleh Rasulullah SAW sebagai antara golongan yang akan berada di bawah lindungan bayangan arasy pada hari kiamat. Kedudukan yang tinggi ini adalah disebabkan Islam sangat mementingkan hubungan yang berdasarkan kecintaan kepada Allah kerana hubungan beginilah yang akan membantu pembangunan umat Islam keseluruhannya. Pembangunan umat adalah antara agenda besar risalah Nabi Muhammad SAW di atas muka bumi ini dan ia banyak bergantung pada hubungan yang baik antara setiap individu Muslim.




Oleh kerana persahabatan akan menatijahkan banyak perkara dan dapat menentukan hala tuju sesuatu hubungan, maka Islam menggalakkan seseorang itu untuk sentiasa berada dalam kelompok sahabat-sahabat yang baik dan daripada kalangan solihin. Ini kerana sahabat yang baik sahaja yang dapat membantu seseorang ke arah yang lebih baik. Pengaruh sahabat adalah sangat besar dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, kita perlulah bijak dalam memilih sahabat kerana jika tersilap pilihan, ia akan membawa kepada natijah yang tidak baik. Dalam satu hadith Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Adapun, penjual minyak wangi akan memberi kamu (minyak wangi tersebut), atau kamu membeli daripadanya, atau kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Sedangkan tukang besi pula, akan membakar bajumu dan juga kamu mendapatkan bau yang busuk.” (HR Bukhari dan Muslim)

Daripada hadith ini, kita boleh memahami bahawa menjadi tanggungjawab bagi seseorang sahabat untuk memandu dan menasihati sahabatnya ke arah yang lebih baik. Dalam hubungan persahabatan juga mungkin akan ada kesilapan dan kekurangan daripada kedua-dua pihak. Maka menjadi tanggungjawab bagi setiap individu untuk bersikap pemaaf dan menegeur atas apa jua kesilapan dan kesalahan sahabatnya. Ini selaras dengan ajaran Islam yang menggalakkan setiap Muslim supaya sentiasa nasihat menasihati antara satu sama lain.

SAHABAT YANG BAIK MEMIMPIN SAHABATNYA UNTUK LEBIH DEKAT KEPADА ALLAH.





**MOHD NURHAKIM
BIN ABD AZIZ**

Alumni APIUM
Kini sebagai fello perdana
di Kementerian
Wilayah Persekutuan.

Minda Sihat

Sahabat? Satu kata nama yang menggambarkan seseorang individu mempunyai hubungan kawan atau teman dengan seseorang individu yang lain. Bukan pasangan kekasih, namun pasangan berkawan.

Persoalannya, perlu ke ada sahabat ni? Kenapa? Dalam konteks psikologi, sahabat merupakan satu komponen di bawah perbincangan sokongan sosial. Apa yang dimaksudkan dengan sokongan sosial? Menurut Sarason, sokongan sosial didefinisikan sebagai kewujudan orang-orang tertentu yang memberi tahu individu lain bahawa mereka mengambil berat, menghargai dan menyayangi individu tersebut. Nurul Hudani dan beberapa orang pengkaji dalam artikel mereka menjelaskan bahawa sokongan sosial sangat membantu seseorang individu dalam menghadapi masalah kesihatan dengan lebih baik, meningkatkan semangat kebersamaan serta merangsang kesihatan mental yang positif. Tambahan, sokongan sosial turut membantu mengatasi masalah-masalah akar yang dapat mendorong kepada masalah mental seperti kemurungan, stres dan lain-lain.

SAHABAT? PENTING KE?

Antara kumpulan sokongan sosial adalah seperti keluarga, rakan atau sahabat, guru, jiran dan banyak lagi. Kumpulan-kumpulan ini merupakan kumpulan sokongan sosial yang biasanya diketahui wujud dalam mengambil berat tentang seseorang individu yang lain. Akan tetapi, bagi kumpulan rakan atau sahabat, ahli psikologi perkembangan menjelaskan bahawa kumpulan ini berubah mengikut fasa perkembangan seseorang individu tersebut. Maksudnya adalah pada fasa perkembangan kanak-kanak, sokongan sosial dari kumpulan rakan atau sahabat tidak sama dengan kumpulan rakan atau sahabat semasa fasa perkembangan dewasa. Pada dasarnya, perubahan ini suatu perkara yang tidak asing.

NOTA KAKI | KONSEP SOKONGAN SOSIAL

SARASON SOKONGAN SOSIAL DIDEFINISIKAN SEBAGAI KEWUJUDAN ORANG-ORANG TERTENTU YANG MEMBERI TAHU INDIVIDU LAIN BAHAWA MEREKA MENGAMBIL BERAT, MENGHARGAI DAN MENYAYANGI INDIVIDU TERSEBUT.

SOKONGAN SOSIAL SANGAT MEMBANTU SESEORANG INDIVIDU DALAM MENGHADAPI MASALAH KESIHATAN DENGAN LEBIH BAIK, MENINGKATKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN SERTA MERANGSANG KESIHATAN MENTAL YANG POSITIF.

Namun begitu, terdapat juga bagi sebahagian individu yang mempunyai sokongan sosial dari kumpulan sahabat ini sama sahaja sama ada semasa fasa perkembangan kanak-kanak dan dewasa. Ini demikian kerana kehidupan luar rumah seseorang individu memerlukan kepada capaian individu lain iaitu sahabat untuk memastikan diri rasa selamat, rasa disayangi dan sebagainya.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan, kita dapati bahawa sokongan sosial diyakini sebagai medium yang amat membantu dalam memastikan seseorang individu mempunyai kendiri yang stabil pemikiran, emosi dan tingkah laku. Persoalannya dalam penulisan ini, apakah penting seorang sahabat terhadap seseorang individu?



Jawapannya, ya penting bahkan sangat penting. Kajian turut membuktikan bahawa sahabat merupakan sokongan sosial kedua yang sangat rapat selepas keluarga. Akan tetapi, sahabat yang bagaimana perlu dicari? Ada panduan ke? Ya, ada.

Antaranya, carilah sahabat yang menjaga agamanya. Mengapa? Mudah. Kerana sahabat yang menjaga agama ini akan sentiasa mengingatkan antara satu sama lain tentang tanggungjawab agama. Tambahan, mereka juga akan membantu kita supaya tidak lari daripada landasan yang sepatutnya dalam kehidupan seharian. Ini demikian turut memastikan diri kita sentiasa beringat akan setiap tanggungjawab agama yang dilakukan sama ada secara sedar dan tidak sedar lebih-lebih lagi bagi kita yang beragama Islam.

Kedua, carilah sahabat yang saling memperingati kita. Mengapa? Bukan sahaja yang menjaga agama, bahkan sahabat yang mempunyai usaha mengingatkan kita juga amat penting. Ianya tidak lain tidak bukan supaya kita sentiasa peka akan setiap yang dilakukan. Jika kita

ada salah, maka sahabat yang akan memperingati kita tentang kesalahan yang dilakukan sama ada sengaja atau sebaliknya. Sahabat yang sentiasa menyedarkan kita antara yang lain turut membantu kita supaya tidak tergelincir daripada melakukan perkara yang maksiat.

Ketiga, carilah sahabat yang menghormati kita. Setiap individu mempunyai latar belakang yang berbeza. Walaupun mempunyai hubungan persahabatan lebih 10 tahun, namun sejarah dan cerita salah seorang individu tidak semestinya kita ketahui. Ada perkara yang mungkin kita boleh ikut campur tetapi dengan izin, dan ada perkara yang perlu kita mendiamkan diri dan menghormati tuan badan. Sahabat yang peka akan diri kita biasanya mempunyai sikap hormat-menghormati dan timbang rasa yang amat tinggi. Ingat! Bersahabat bersahabat juga, namun ada batasnya. Walau bagaimanapun, kunci sahabat yang baik adalah sahabat yang menjaga agamanya yang mana seseorang yang menjaga agama, pastinya perkara-perkara lain pada dirinya turut dijaga.

Tuntasnya, kepentingan adanya sahabat dalam kehidupan seseorang yang bernama manusia adalah untuk menjadi peneman selepas keluarga dan pasangan. Ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa ketenangan dalam kehidupan akan dapat dicapai jika adanya seorang sahabat yang baik.

Sahabat yang menjaga agamanya, sahabat yang sentiasa mengingatkan antara satu sama, dan sahabat yang menghormati kita. Adanya mereka ini, In Shaa Allah tenang aje hidup... Wallahu álam...



SEMEMANGNYA KITA MEMERLUKAN SAHABAT UNTUK MENCERIAKAN KEHIDUPAN KITA WALAUPUN MEMPLUNYAI PELBAGAI KERENAH.



RUMAH KITA; BAGAIMANA SUASANANYA?

Pepatah Arab ada menyebut:

الجار قبل الدار

“(Pilihlah) jiran sebelum (memilih) rumah.”

Kelihatannya mudah, namun besar sebenarnya makna kata-kata ini. Bukan sekadar individu yang bernama jiran itu, bahkan skop yang lebih luas akan hakikat maknanya adalah, bagaimana suasana atau biah di persekitaran rumah kita itu.

Saya teringat suatu pengalaman saya ketika menjalani latihan industri di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun lalu. Pada siang hari 18 September 2019 nan indah, saya berkesempatan untuk sembang-sebang santai bersama penyelia latihan industri saya, Encik Zainal Ghani ketika sesi merarau di kafeteria IKIM.

Cerita beliau, pernah suatu masa dahulu, ketika beliau tinggal menyewa di Puchong, beliau sudah begitu hampir untuk nekad membeli sebuah lot rumah banglo di sana disebabkan harga yang ditawarkan boleh dikatakan agak murah pada ketika itu. Siapa yang tidak mahu rumah murah, bukan? Ditambah pula ada tanah sendiri. Namun begitu, setelah berfikir panjang, meneliti setiap pemerhatian, dan melakukan segala pertimbangan, akhirnya beliau membantalkan hasrat tersebut dan memilih untuk membeli rumah di Bandar Baru Bangi pula. Mengapa?

Kata Encik Zainal, hal ini demikian kerana, suasana atau persekitaran di kawasan rumah yang mahu dibeli oleh beliau di Puchong itu tidak berapa baik, bukan sekadar untuk beliau, malah untuk keluarga beliau juga. Kejiraninan di situ menurut beliau adalah kebanyakannya terdiri daripada imigran Nigeria yang bekerja dan tinggal menyewa di situ. Mereka hadir ke sini (Malaysia) bukan sekadar hadir bekerja, bahkan apa yang lebih dikesali ialah, mereka juga hadir bersama membawa pakej budaya yang kurang baik; dengan hingar-bingarnya, botol-botol arak yang bergelimpar-gannya, dan pelbagai lagi.

Tidaklah mahu dikatakan bahawa kesemua orang Nigeria adalah sebegitu. Mana yang baik itu baiklah. Namun begitu, sayang sekali bahawa mereka yang menetap di situ ialah mereka yang berperangai sedemikian rupa. Apa akan jadi seandainya Encik Zainal tetap juga mahu memilih untuk tinggal di kawasan sebegitu dengan alasan tidak mahu terlepas peluang memiliki rumah yang ideal? Bagaimana dengan pembentukan sikap, pemikiran, dan pergaulan anak-anaknya hasil daripada suasana atau persekitaran tersebut? Adakah yakin kesemuanya boleh terkawal sebaiknya?



AHMAD MUHAMMIN BIN
AHMAD SAFARUDDIN

Alumni APIUM
Kini sebagai Editor di
Pustaka Permata Ummah
Sdn. Bhd.

Diari Alumni



Atas pertimbangan itulah, Encik Zainal terpaksa mengorbankan impian asal tersebut demi kemaslahatan yang lebih utama untuk diri dan keluarganya. Segala puji bagi Allah SWT, kini, setelah bertahun-tahun menginap di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, beliau tahu bahawa pilihan beliau adalah tidak silap. Jiran-jiran yang tinggal di kanan dan kiri kediamannya; rata-ratanya adalah baik belaka dan berkeperibadian tinggi. Ada yang bertugas sebagai seorang pensyarah, ada juga yang memakai gelar ustaz, bahkan rumah yang betul-betul berhadapan atau bertentangan dengan rumah Encik Zainal ialah rumah saudara Hilmi Ramli, seorang pelajar ijazah kedoktoran falsafah di Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains, dan Peradaban (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Wah, baru tahu!

Bukan sekadar kejiranannya baik, bahkan Bandar Baru Bangi seperti yang dimaklumkan oleh beliau memang dikenali sebagai kawasan yang sangat meriah dengan limpahan majlis ilmu dan sistem persekolahan yang tersusun, komuniti masjid yang aktif, akses pengangkutan yang lengkap, sistem jaringan perhubungan yang efisien, kemudahan hidup yang serba ada, serta pelbagai lagi. Alhamdulillah, kini, beliau tidak perlu risau lagi akan putera puterinya tentang dengan siapa mereka berkawan. Hujung minggu, beliau dan keluarga boleh pergi ke mana-mana majlis ilmu yang berhampiran atau bersiar-siar dengan penuh kedamaian. Tiba bulan Ramadan pula, beliau boleh membawa anak dan isterinya bersungkai dan beribadat bersama-sama di masjid berdekatan dengan penuh kemeriahan.


Ya, tipulah kalau saya tidak terinspirasi dengan kisah beliau! Apatah lagi sejak belakangan ini, saya sering kali merenung dan berimpian tentang masa depan; di mana agaknya bakal saya menetap untuk dijadikan sebagai kediaman impian. Set-set persoalan yang selalu saja menghujani minda saya ini adakah buat saya termenung panjang.

'Mampukah aku sediakan tempat tinggal yang terbaik buat diri dan keluarga aku nanti?'

'Bagaimana dengan keadaan kewangan aku ketika itu dengan hambatan ekonomi dan lonjakan harga rumah yang mencengkam masa ini?'

'Bersediakah aku untuk menghadapi segala macam kemungkinan yang bakal menerjah?'

Hidup ini memang tidak lari daripada pelbagai kemosykilan kehidupan. Oleh kerana itulah, kita dididik untuk senantiasa bertawakal dan bergantung harap kepada-Nya agar setiap pilihan yang sedang dan akan kita tentukan dalam segenap aspek kehidupan itu merupakan keputusan yang seiring dengan rahmat dan kebaikan daripada-Nya.



"(PILIHLAH) JIRAN SEBELUM (MEMILIH) RUMAH"

Ada satu kisah menarik berkaitan Āsiyah isteri Firaun yang sangat menarik untuk sama-sama kita renungkan:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا أُمْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ أَبْنَيِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَنَجِنِي
مِنْ فِرْعَوْنَ وَعَمِّلِهِ وَنَجِنِي مِنْ أَلْقَوْمِ الظَّلَمِينَ

“Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada mudaratnya) kepada orang-orang Mukmin (berhubung rapat dengan orang-orang kafir kalau tidak terjejas keadaan imannya), iaitu: Perihal isteri Firaun, ketika ia berkata: ‘Wahai Tuhanaku! Binalah untukku di sisi-Mu sebuah rumah di dalam Syurga, dan selamatkanlah daku daripada Firaun dan perbuatannya (yang kufur dan buas), serta selamatkanlah daku daripada kaum yang zalim.’”
[Surah al-Tahrīm, 66: 11]

Coba perhatikan, bagaimana dalam ayat itu tadi, Āsiyah berdoa dengan melafazkan perkataan kalimah “binalah untukku di sisi-Mu” (أَبْنَيْ لِي عِنْدَكَ) terlebih dahulu sebelum menyebut “sebuah rumah di dalam Syurga” (بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ).

Nampak bukan perbezaan antara kedua-dua ayat berikut:

1. Binalah untukku di sisi-Mu sebuah rumah di dalam Syurga.
2. Binalah untukku sebuah rumah di sisi-Mu di dalam Syurga.

Nikmat berada di sisi Allah lebih utama berbanding nikmat rumah di dalam Syurga.

Hal ini menunjukkan, betapa Āsiyah sangat mahu untuk memperoleh nikmat berada dekat dengan Tuhan yang Maha Baik terlebih dahulu sebelum nikmat yang lain, termasuk rumah di dalam Syurga. Bukanakah nikmat dapat melihat Allah itu sebesar-besarnya bagi ahli Syurga? Subhanallah.

Justeru, begitulah sepatutnya kita mengambil pengajaran. Betapa perlunya kita untuk senantiasa berdoa agar kita selalu berada bersama orang-orang dan persekitaran yang baik sebelum meminta nikmat-nikmat yang lain, termasuklah kediaman, kerjaya, dan sebagainya.

Seandainya difikirkan; apalah gunanya kita memiliki rumah yang menggiurkan, namun berada dalam kawasan kejiran yang menyakitkan hati? Apa pula gunanya kita memiliki pekerjaan yang bergaji tinggi, namun dilingkungi dengan rakan sekerja atau majikan yang tidak berhati budi? Hanya kepada Allah SWT jualah kita berserah dan memohon pertolongan.

Pedoman Surah At-Taubah Dalam Bergzahabat



MUHAMMAD FAKHRUL
ISLAM BIN MOHD FOIZI

Pelajar Tahun 3
Sarjana Muda Usuluddin
(Sejarah & Tamadun Islam)
Akademi Pengajian Islam

Istaqamu

Dalam kehidupan, kita pastinya memerlukan seseorang. Kita memerlukan keluarga, kawan, guru dan orang di sekeliling kita. Manusia ini tidak akan mampu hidup bersendirian kerana hakikat manusia untuk melunaskan tanggungjawab dan memenuhi keperluan hidupnya menyebabkan manusia itu sentiasa memerlukan sokongan yang lain. Atas maksud itu Allah SWT meraikan fitrah kita yang memerlukan interaksi dalam surah al-Hujurat ayat yang ke-13:

يَأَيُّهَا أَنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأَنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ
أَكْرَمَهُمُّ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْرَبُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Sahabat ialah seseorang yang tidak mempunyai pertalian darah, tetapi ikatannya cukup rapat sehingga menjadi saling memahami dan melengkapi. Sahabat berbeza dengan keluarga kerana yang mengikat cinta dan kasih antara keluarga ialah pertalian darah. Menurut PRPM Dewan Bahasa dan Pustaka; sahabat itu adalah kawan dan teman. Sahabat juga membawa konotasi makna pengikut dan murid kepada Nabi Muhammad SAW. Maka, fahamlah kita bahawa terma sahabat yang diguna pakai pada hari ini mengambil inspirasi daripada Para Sahabat RA yang mana mereka bukan sekadar kawan. Mereka juga pengikut yang mendokong perjuangan Baginda di awal fasa perjuangan dakwah dan mempercayai Baginda tatkala ramai yang memilih untuk mendustakan.

Al-Quran menggariskan pentingnya kita untuk mempunyai sahabat, dan persekitaran yang baik. Firman Allah S.W.T. dalam surah At-Taubah ayat 119:

يَأَيُّهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُواْ أَتَقْوُاْ اللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ الْصَّادِقِينَ 119

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar

Dalam ayat ini, disebutkan tentang keperluan orang-orang beriman untuk memilih persekitaran dan sahabat yang benar, soleh dan baik di samping perintah untuk senantiasa bertaqwa kepada Allah SWT. Menurut Imam Jalaluddin al-Mahalli dan Imam Jalaluddin as-Suyuthi, bersama dengan orang yang benar itu merujuk kepada bersama dengan golongan yang beriman dan melazimi kejujuran (jujur atas agama Allah iaitu tidak munafik). Maka, fahamlah kita bahawa untuk bertaqwa ini kita perlu kepada dokongan dan sokongan. Andai kita sendiri, kita akan mudah tumbang dan tumpas dengan gangguan dan juga godaan keindahan dunia yang bersifat sementara.

Jika diberi perhatian juga pada ayat 119 ini, kalimah yang digunakan adalah kalimah “kunu” iaitu jadilah kamu semua. Kalimah ini adalah perintah yang berbentuk seruan kepada manusia, dalam memilih ‘circle’, pilih lah untuk bersama dengan orang-orang baik. Pilih lah untuk mencari rakan-rakan yang sentiasa bersikap jujur, benar dan soleh. Soleh yang bukan sekadar berbuat baik, namun kebaikan yang dilakukan memberikan manfaat baiknya pada orang lain juga. Seruan yang kita perlu sambut, kerana ianya datang daripada pencipta manusia yang sangat mengenali kelemahan manusia. Yang menginginkan kebaikan buat hamba-hambanya. Datang daripada Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.





Para sahabat RA, mereka memahami pedoman daripada surah at-Taubah ini bahawa berteman dan berkawan bukan semata untuk manfaat dunia. Ia lebih besar daripada itu. Yang disebut sahabat adalah pada manfaat iman dan taqwa sepermulaan ayat ini yang menyebutkan keduanya. Lantas, daripada sirah dan sejarah kita akan dapati bahawa kecintaan dan sifat saling mengutamakan sesama mereka itu sangatlah tinggi seperti yang dirakamkan pada babak dalam peperangan Yarmouk. Ikrimah Bin Abu Jahal RA dan pasukannya (pasukan khas yang menyerbu musuh) pada ketika itu berada di hujung-hujung nyawa mereka selepas beberapa pusingan peperangan Yarmouk. Ikrimah RA yang sedang kesakitan pada ketika itu meminta air untuk diminum, namun apabila mendengarkan hajat sahabatnya yang memerlukan air, terus diarahkan untuk diutamakan air tersebut kepada lelaki yang lebih memerlukan ketika itu. Apabila ingin dihulurkan air kepada lelaki itu, kemudian terdengar pula seorang lelaki yang lain meminta air. Lalu lelaki tadi yang sangat memerlukan air mengarahkan agar air tadi diberikan kepada suara tersebut. Setibanya sahabat tersebut bersama air yang dibawa kepada suara yang didengarnya, didapati lelaki tersebut telahpun syahid, lalu dia kembali kepada lelaki sebelumnya dan didapati lelaki tersebut pun telah syahid. Selanjutnya bergegas pula kepada Ikrimah Bin Abu Jahal RA, juga didapati bahawa beliau telah syahid. Ini lah sifat I'thar ataupun memuliakan sahabat yang cukup tinggi, sehingga di hujung nyawa, hatta di saat terdesak sekalipun masih mempunyai jiwa dan fikiran untuk mengutamakan sahabatnya yang lain.

Justeru, pedoman daripada kisah sahabat di atas dan pertalian para sahabat RA dan Rasulullah SAW menyebabkan kita tertanya-tanya, apakah agaknya teras kekuatan persahabatan itu? Ya, seperti yang disebutkan di dalam surah at-Taubah ayat 119 di atas iaitu iman dan juga taqwa. Bersahabat atas dasar iman dan taqwa bukanlah bermakna kita mengetepikan keduniaan dalam persahabatan, namun persahabatan yang memahami ada pihak ketiga dalam perhubungan dan persahabatan iaitu Allah SWT. Apabila kita memahami bahawa ada pihak ke-3, adakah kita akan bersikap menganiayai sahabat kita? Pastinya tidak bahkan kita akan mengasihi sahabat kita lebih daripada kasihnya terhadap diri sendiri. Ini lah nilai yang semakin menghilang daripada umat pada ketika ini. Nilai mencintai sahabat dan muslim yang lain lebih daripada mencintai dirinya sendiri.





NURFARISA BINTI
ANUAR

Pelajar Tahun 4
Sarjana Muda Pendidikan
Islam (Pendidikan Alquran)
Akademi Pengajian Islam

**Begitu Begini
Caranya**

SUDIKAH AWAK HIBURKAN AKU BUAT AKU TERSENYUM?

“Sara, dah lama kan kita kawan sejak sekolah lagi”

“Kan..” (muka sengih)

“Haha, cubit baru tahu! Erm, kau tahu maksud sahabat?”

“Hahaha, mulalah tu nak sendu.. Tak mau lah jawab. Jomlah sambung joging”

“Alaa jawablah cepat Sara Damia nak dengar ni. Lepas ni kita joging lah balik, please..”

“Hurm, sahabat tu macam kaulah haha ada waktu aku susah senang.. Dan yang paling penting ada saat aku memerlukan. Terima kasih Nia Zhafira”

“Haha, macam aku ya.. Macam mana kalau satu hari nanti aku dah tak ada? Kau masih ingat aku lagi ke?”

“Nia! Mulalah tu. Jomlah joging..”

“Saja ja nak test. Cuma, nak bagitahu jawapan kau tu salah hahaha”

“Pastu.. apa jawapan dia? Hurm..”

“Jawapan dia.. S-A-H-A-B-A-T Sudikah Awak Hiburkan Aku Buat Aku Tersenyum? Sudi tak? Hahaha, dahlah jom joging”

“Cehh, ingat sweet ke Nia! Haha, janganlah laju sangat joging tu!”

“Hahaha, jawab dulu sudi tak?”

“Arghh! Malas aku nak jawab” ‘ya aku sudi, aku tahu kau menahan sakit dan aku tahu kau kuat’ bisik hati berbaur kesedihan.

Persahabatan merupakan nilai yang paling mahal dan berharga dalam kehidupan, tanpa kita sedar sahabatlah yang membawa kita kenal pada Pencipta. Sahabat merupakan insan yang sentiasa ada disamping kita walaupun tidak bertemu mata tapi sentiasa ada dalam doa untuk kita. Ibnu Mas'ud RA berkata “Janganlah engkau bersahabat kecuali dengan seseorang yang dapat membantumu untuk mengingati Allah”, dalam kita bersahabat niatkanlah ikhlas kerana Allah semata-mata. Kenapa? Sebab, kita tidak akan lari daripada kekurangan dan kelemahan, yang mana kadang-kadang ianya menguji tahap kesabaran dan emosi diri. Oleh itu, kita perlu ingat bahawa kita bersahabat bukan menuntut kepada kesempurnaan akan tetapi menuntut kepada saling melengkapi dan memerlukan.

Persahabatan dalam Islam

Persahabatan dalam Islam bukan hanya ditunjangi dengan kesetiaan semata-mata akan tetapi ianya didasari dengan aqidah dan agama. Dimana, agamalah yang meletakkan kayu ukur kesetiaan dalam perhubungan. Tiada kesetiaan jika menghanyutkan kita dalam arus kemaksiatan akan tetapi

kesetiaan harus diberi dalam persahabatan seligimana ianya tidak membawa kepada kemurkaan Allah SWT. Walau bagaimanapun, terkadang persahabatan itu diuji dengan hasutan lembut merobek kepercayaan yang telah lama dibina, dalam perhubungan saat itu, carilah ruang untuk diri agar melihat segala kebaikan yang pernah mereka curahkan selama ini. Oleh itu, kepercayaan dan kesetiaan amat mahal harganya yang tidak dapat dibeli oleh wang ringgit akan tetapi dapat dirasai jika bersahabat kerana Ilahi.

Sahabat Seperti

Okay seterusnya, seringkali berlegar dalam fikiran kita untuk mencari sahabat yang sejati. Cuma, persoalannya bagaimakah? Salah satu caranya adalah dengan mengikuti mana-mana platform yang boleh memberi nilai tambah yang berkualiti dalam diri, sebagai contoh usrah atau liqa' mahabbah, aktiviti persatuan, kebaikan dan lain-lain kerana secara tidak langsung ia memberi pengalaman yang berharga dalam diri. Melalui aktiviti-aktiviti sebeginilah kita akan menemui lebih ramai lagi sahabat yang cinta pada ilmu, saling menasihati antara satu sama lain dan dapat merasai kemanisan berukhuwah dalam keluarga yang dikenali sebagai "sahabat"

#KeranaKitaSatuKeluarga.

Sahabat yang Terbaik

Dalam kita mencari yang terbaik jangan pernah kita lupa untuk menjadi sahabat yang terbaik. Bagaimana? Salah satu caranya adalah saling menasihati antara satu sama lain. Teman yang menasihati bukan bermakna benci tetapi sayang demi Ilahi kerana tidak mahu melihat sahabatnya hanyut di arus duniaawi, firman-Nya dalam surah Al-Dzariyat ayat 55 yang bermaksud "Dan tetaplah memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman". Selain itu, sentiasa mendoakan kebaikan sahabatnya walaupun tanpa pengetahuannya kerana doa itu senjata tajam buat hamba. Disamping itu, perkara yang paling penting untuk menjadi sahabat yang terbaik adalah dengan menjaga punca keberkatan

kehidupan. Dimana, walau sesibuk mana pun kita jangan pernah kita lupa pada insanyang mula-mula mengajar kita erti kehidupan, siapa lagi kalau bukan ibu bapa kita. Daripada merekalah terpupuk kasih sayang yang tidak akan pernah hilang sampai bila-bila.

Akhirnya, sahabat yang sempurna itu tiada, carilah di seluruh pelosok dunia sekalipun tidak akan jumpa kerana kita diciptakan dengan kekurangan dan kelebihan. Ingat, kita bersahabat bukan mencari kesempurnaan akan tetapi saling melengkapi dan memerlukan. Hargailah insan bernama sahabat, Allah hadirkan mereka dalam kehidupan untuk kita belajar sesuatu, Allah hadirkan rasa rindu untuk kita lebih menghargai keberadaannya, apabila sudah tiada di depan mata, saat itu yang ada hanyalah penyesalan sahaja. Selamat bersahabat kerana Ilahi.

**“Sahabat itu saling melengkapi
bukan nafsi-nafsi”**



MENGHIRUP SECANGKIR KOPI SEBELUM MENGADAPASI NORMA BAHARU



*Menghirup secangkir kopi,
Sambil menyingkap tirai sisi,
Terlihat anak muda,
Dewasa,
Suram wajahnya,
Isi hatinya tidak dapat ku baca.*

*Bertutup muka,
Seakan sesak di dada,
Meronta-ronota,
Barangkali gian melata,
Bak unggas di udara,
Bebas.*

*Terlupa,
Persimpangan terluka,
Di norma lara.*

*Mimpi murni terkatah-katah,
Kereta terbang impian musnah,
Sirih naik junjungan patah.*



Norma baharu sudah tidak asing lagi bagi mahasiswa sejak tahun 2020 menapak. Seluruh kehidupan mahasiswa secara fizikal seolah-olah terpaku seketika sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 akibat wabak Covid-19 yang melanda global. Pembelajaran secara atas talian diaktifkan seolah-olah dunia merestui perjalanan kemajuan tamadun dan kepesatan teknologi manusia. Namun dampaknya sungguh di luar jangkauan pemikiran sehingga mengakibatkan mahasiswa ketandusan sesuatu yang berharga atau barangkali sengaja

mengerangkan kolam intelektual kendiri. Mencari peluang dalam kesempitan di atas pagar

kelonggaran. Tidak dinafikan bahawa norma dan gaya pembelajaran baharu ini memberi tekanan yang tersendiri. Namun kini bukan masanya untuk mengundurkan diri tetapi mengadaptasi realiti.

Sesungguhnya kita tidak dapat melihat masa depan. Apakah kita mempunyai peluang untuk menggali lagi ilmu pada masa akan datang atau hanya tenggelam di alam kerjaya. Oleh sebab itu, zaman mahasiswa ini adalah suatu zaman keemasan yang lebih tinggi nilainya daripada emas 999. Maka, janganlah dipersiakan atau diambil mudah. Imam Syafie menukilkan bahawa, "sesiapa yang tidak memanfaatkan masa mudanya untuk menuntut ilmu maka bertakbirlah 4 kali sebagai tanda kematiannya". Inspirasinya dapat kita kejar daripada kisah para ulama terdahulu yang bersusah payah melakukan perjalanan jauh demi mencari ilmu sedangkan kita hanyalah di hujung jari.

Jika diimbau semula gaya pemikiran Muhammad Al-Fateh tatkala menghadapi masalah untuk merobek benteng Kota Konstantinopel



ANNUAR RAMADHON
BIN KASA@MUHYIDDIN

Pelajar Tahun 4
Sarjana Muda Usuluddin
(Sejarah & Tamadun Islam)
Panel Penulis The PaTRIOTS
(AR KASA)

Jom Relaks

ialah suatu sejarah yang menginspirasikan anak muda. Benteng dua lapis dengan lapisan pertama setinggi 25 kaki dan setebal 10 meter manakala lapisan kedua setinggi 40 kaki serta setebal 15 meter dihadapi dengan buah fikiran yang bernas. Beliau membawa pakar-pakar peperangan sehingga menginovasikan beberapa ciptaan baharu seperti Menara bergerak dan Meriam untuk menakluki kota tersebut.

Hakikat mahasiswa hari ini hanyalah bersenjatakan aplikasi atas talian seperti “Google Meet”, “Zoom” dan lain-lain lagi. Maka, keperluan bagi menginovasikan gaya pembelajaran kita adalah sangat penting agar matlamat mencapai kefahaman yang mendalam dan luas dapat dicapai. Oleh sebab itu, penulis menggariskan suatu kombinasi mapan dalam menuntut ilmu menurut Imam Syafie :

- 1. Kecerdasan.**
- 2. Semangat.**
- 3. Kesungguhan.**
- 4. Kemampuan.**
- 5. Bimbingan. (Guru)**
- 6. Istiqamah.**

Seandainya sejauh langit kira-kira kita menginovasi teknologi bagi memudahkan sesi pembelajaran, ia tidaklah berguna tanpa suatu kombinasi ini. Inilah sebenar-benar senjata yang diperlukan penuntut ilmu (selain disiplin/adab) kerana dengan keteguhan kombinasi ini nescaya mata akan buta, telinga akan pekak daripada masalah-masalah mahasiswa yang tidak aktif dan menghilangkan diri ketika proses pembelajaran secara atas talian.

Jangan kita jadikan norma ini sebagai suatu hambatan yang menghalangi diri sebaliknya menjadikannya sebagai satu platform bagi melakukan anjakan paradigma. Tidak benar sekiranya norma baharu ini bagi mahasiswa ibarat sirih naik junjungan patah, yang bermakna kesenangan yang datang diganti dengan kepayahan. Sebaliknya seribu kepayahan itulah yang akan membuatkan kesenangan kerana setiap kesusahan bersamanya ialah kesenangan. Kita sudah matang. Sekarang bukan masa untuk mengeluh tetapi tenang ditemani secangkir kopi untuk mengadaptasi.



Terdengar suara dari sudut besar ibu kota Malaysia,
Bergemuruh menyeru janji sumpah pemuda Islam,
Tubuh tegap dengan suara yang lantang mengucapkan bait-bait hikmah,
Tangan mengepal kemas seakan-akan bersiap menjalankan tugas dengan sebaiknya.

Pemuda Islam bersatu dalam cita-cita yang luhur,
Suara guntur menggegar bumi mengejutkan mimpi-mimpi alpa,
Suara kicauan beburung dalam tasbih puji-pujian mengagungkan Ilahi,
Hiruk-pikuk pemuda Malaya mengukir kemenangan indah yang berarus perdana,
Ada juga bisikan sumbang insan-insan yang lupa diri,
Bersempang kosong dari pagi sampai senja di warung-warung kebohongan.

Hanya pemuda Islam itu tidak pernah getir dibadai ribut,
Berani berbicara berani juga bertindak,
Kalau kalah tetap melawan kalau menang selalu mencuba,
Mana mungkin lahirnya bayangan yang sentiasa megah di atas,
Dan mana mungkin juga yang jatuh akan sentiasa meruntuh.

Laksana pahlawan Usman dan Umar,
Umpama Hang Tuah dan Hang Jebat,
Berani ke hadapan menggempur musuh durjana,
Walau gugur digantung atau dimusnahkan,
Tetap sahaja bangkit menjadi pahlawan.

Sosok yang akan sentiasa diabadikan dalam lipatan sejarah,
Yang tidak kenal erti penat dan lelah,
Selalu membahagiakan ummah dengan masa depan yang cerah,
Lalu angin pengorbanan atas nama perjuangan oleh seorang pemuda Islam
Akan sentiasa berselindung dalam sanubari keinsanan.



**NURNABILAH HUSNA
BINTI ZAIDI**

Pelajar Tahun 2
Sarjana Muda Syariah
(Syariah & Pengurusan)
Akademi Pengajian Islam

Jom Relaks

Aku
Pemuda Islam



INTAN NABILA
BINTI ZULKIFLI

Pelajar Tahun 4
Sarjana Muda Usuluddin
(Al-Quran dan Al-Hadith)
Akademi Pengajian Islam

Jom Relaks

AL-QURAN DITINGGALKAN

Adakah Al-Quran semakin ditinggalkan? Tepuk dada tanya iman. Suka saya membawa sebuah analogi bagi kita sama-sama menelusuri ilmu dengan imaginasi.

Al-Quran umpama air

Air sangat penting bagi manusia bagi menjamin kelangsungan hidup. Begitu juga Al-Quran. Al-Quran merupakan tinta daripada Tuhan kita Yang Maha Esa, surat cinta bagi sang hamba sebagai panduan hidup hingga ke akhirnya. Manusia boleh mati tanpa air. Manusia juga boleh mati hatinya tanpa Al-Quran. Di dalam Islam, kita dididik untuk membaca, memahami dan mengamalkan Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Manusia umpama seorang musafir

Musafir yang melalui sebuah perjalanan dunia yang bersifat sementara untuk sampai ke destinasi akhirat. Di dalam perjalanan yang bermacam liku dan ranjau, manusia mencari bekalan agar dapat bertahan hingga ke tempat yang dihajati. Jalan yang dilalui dipenuhi ujian agar manusia terus kuat dan belajar untuk terus bangkit setelah jatuh. Setiap ujian yang datang terselit sejuta hikmah dan rahmah. Ada yang diuji dengan niqmah, tidak kurang juga yang diuji dengan nikmat. Ada yang tersesat tidak menjumpai air lalu gagal meneruskan perjalanan, terkandas di tengah jalan. Ada pula yang berjaya menjumpai sumber air untuk menjadi

bekalan mendatang. Yang pasti, tiada seorang pun yang tahu kesudahannya kecuali Tuhan Yang Satu. Kita sebagai umat Islam umpama seorang musafir yang telah pun menemui sumber air tersebut.

Setiap daripada kita mempunyai pilihan

Pilihan untuk mengambil air tersebut atau tidak. Sesiapa sahaja yang membaca Al-Quran semata-mata tanpa tadabbur isi kandungannya umpama seorang musafir yang mencedok air dengan sebuah bakul. Bakul itu umpama hati. Bakul yang kotor berpasir dan berdebu akibat jauh perjalanan yang dilalui. Debu dan kotoran itu pula ibarat dosa yang terpalit di hatinya secara sedar mahupun tidak sedar. Setiap kali sang musafir mencedok air, bakulnya menjadi bersih namun air tidak dapat diperoleh.

Begitu jugalah setiap kali kita membaca Al-Quran

Hati kita akan menjadi bersih tatkala lidah basah menuturkan madah Ilahi namun sering kali kita musykil mengapa masih ada yang tidak kena. Manakala bagi orang yang menghafaz Al-Quran, dia umpama ibarat hatinya. Teguh dan kukuh bagi menampung air.

Apabila dia mencedok, airnya tidak tiris menitis sepetimana yang telah berlaku kepada bakul, malah baldi tersebut bukan sahaja menjadi bersih bahkan ia terisi dengan air yang diperolehi. Setelah air dipenuhi, sang musafir mempunyai pilihan sama ada untuk memanfaatkannya ataupun hanya biar ia bertakung ditinggalkan dan tidak dihiraukan sama ada airnya tumpah ataupun tersejat ke udara semula. Tidak hairanlah banyak timbul kes daripada pusat tahfiz apatah lagi umat Islam itu sendiri kerana ia bukanlah salah daripada mana-mana pihak. Hal ini demikian kerana, setiap insan adalah khalifah di muka bumi ini yang telah diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita supaya memakmurkannya.

Setiap insan juga ialah pemimpin dirinya sendiri

Sebagaimana sabda Baginda Nabi SAW daripada Riwayat al-Bukhari: 4789. Hakikatnya, setiap insan mempunyai pilihan. Sama ada untuk memanfaatkan air tersebut atau tidak. Sama ada mengamalkan Al-Quran atau tidak. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11, mafhumnya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum hingga mereka mengubah diri mereka sendiri."

Bagi insan yang mengajarkan Al-Quran kepada insan yang lain, dia umpama seorang musafir yang telah menghulurkan air kepada sahabat seperjuangan para musafir yang lain agar sama-sama dapat menempuh perjalanan yang penuh dugaan dan pancaroba. Air yang diperoleh dikongsi bersama, manis terasa. Alangkah indahnya dunia bila kita bersama-sama mengorak langkah menuju destinasi yang sama agar dapat bertemu Tuhan Yang Esa dengan gembira. Akhir kalam, renung-renungkan dan selamat beramal!





KESATUAN MAHASISWA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2020



Barisan KOLUMNIS

E-Risalah APIUM

(Murabbi)

kmumapium kmum_apium

Terima Kasih kerana membaca!
Narikar kemunculan tetamu khas di edisi akhir
pada Januari akan datang.